

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Sabtu, 15 November 2014

BERNAMA - Ibu Bapa Perlu Kawal Penggunaan Gajet Anak

<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/ge/newsgeneral.php?id=...>

### Ibu Bapa Perlu Kawal Penggunaan Gajet Anak

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Ibu bapa perlu memantau penggunaan gajet dalam kalangan anak mereka khususnya peringkat kanak-kanak bagi mengelakkan mereka terjebak dengan unsur negatif dalam internet, kata Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Nafisah Ahmad.

Beliau berkata ini kerana pemikiran dan tingkah laku kanak-kanak mudah dipengaruhi oleh apa yang dipaparkan dalam internet.

"Pada masa kini terdapat pelbagai laman web yang menonjolkan unsur ganas serta boleh memberi kesan terhadap tingkah laku kanak-kanak.

"Oleh itu saya menyeru ibu bapa agar mengawal penggunaan gajet anak-anak bagi mengelakkan berlakunya ketagihan teknologi dan keterlibatan mereka dengan laman web yang tidak sepatutnya di internet," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2014 di sini, pada Sabtu.

Acara sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2014 bertemakan 'Membaca: Menjana Karisma Kanak-kanak' itu diadakan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap pendidikan kanak-kanak dalam membimbing mereka menjadi insan berguna.

Nafisah berkata penerapan budaya membaca perlu dipupuk sejak dari awal usia bagi membentuk watak dan peribadi kanak-kanak supaya lebih cintakan ilmu.

"Selepas ini PNM akan terus menjalankan pelbagai pendekatan melalui program galakan membaca untuk menarik minat membaca dalam kalangan masyarakat," katanya.

-- BERNAMA